



**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' SRI DR. ALI HAMSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
MERANGKAP  
YANG DIPERTUA MAKSAK MALAYSIA**

**MAJLIS MALAM ANUGERAH  
MAKSAK MALAYSIA 2012**

**22 JANUARI 2013 (SELASA)  
8.00 MALAM  
DEWAN A, PUSAT KONVENSYEN  
ANTARABANGSA PUTRAJAYA**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

YBhg. Naib-Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YB Yang Dipertua Badan-badan Gabungan MAKSAK,

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja MAKSAK Malaysia,

Para Atlet yang diraikan,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,  
Tuan-tuan dan Puan-puan,

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan Nya jua, kita semua dapat berhimpun dan bermesra sempena berlangsungnya Malam Anugerah MAKSAK Malaysia 2012.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran para tetamu serta ahli Gabungan MAKSAK, dan merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan padu serta kerjasama erat yang telah diberikan kepada MAKSAK Malaysia dalam penganjuran programnya sepanjang tahun 2012.

3. Untuk makluman para hadirin sekalian, Majlis Malam Anugerah MAKSAK 2012 pada malam ini merupakan yang pertama bagi saya sejak dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara merangkap Yang DiPertua MAKSAK Malaysia mulai Jun 2012. Sesungguhnya saya amat gembira dan berbangga kerana dapat bersama-sama saudara dan saudari sekalian dalam majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

4. **Malam Anugerah MAKSAK ini merupakan manifestasi terhadap usaha MAKSAK dalam memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada individu, pasukan dan badan-badan Gabungan MAKSAK atas kejayaan, komitmen dan khidmat bakti yang diberikan sepanjang tahun 2012.** Harapan saya adalah semoga pengiktirafan ini akan menjadi obor pembakar semangat kepada para penggiat sukan dalam perkhidmatan awam untuk terus aktif dan memberi sumbangan terhadap kemajuan sukan negara amnya.

5. Sejak tahun 1990 lagi, Malam Anugerah MAKSAK telah dianjurkan saban tahun bagi memberi pengiktirafan kepada para atlet, pegawai dan badan gabungan yang telah mempamerkan prestasi dan komitmen yang membanggakan dalam bidang ini. Sungguhpun demikian, bagi tahun ini, MAKSAK telah mengorak selangkah ke hadapan bagi menyahut seruan YAB Perdana Menteri untuk meraikan konsep inovasi dengan memperkenalkan sesuatu yang baru dan istimewa dalam pengurusan sukan pada kali ini. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan bahawa mulai tahun ini, **MAKSAK akan memperkenalkan Skim Insentif Sukan MAKSAK (SISM) sebagai satu sistem ganjaran yang mengiktiraf kejayaan para atlet dari kalangan penjawat awam yang telah meraih**

**kejayaan di peringkat antarabangsa**, dan pada malam ini kita akan menyaksikan penerima pertama di bawah skim ini.

6. Selain daripada itu, kejayaan dan kebanggaan melihat atlet-atlet kita bertanding di Sukan Olimpik dan kejohanan-kejohanan sukan di peringkat antarabangsa telah mencipta satu lagi ruang pengiktirafan buat mereka yang aktif dalam bidang ini. Sebagai tanda penghargaan, **MAKSAK juga akan menyampaikan anugerah Olympian MAKSAK kepada para atlet anggota awam yang telah bertanding di peringkat Sukan Olimpik London 2012.**

7. Sesungguhnya MAKSAK menyedari bahawa penganjuran aktiviti-aktiviti sukan memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi dan hakikatnya, peruntukan kewangan yang diperolehi sama ada melalui peruntukan jabatan atau sumbangan ahli kelab sukan tidak memadai untuk menampung aktiviti-aktiviti sukan jabatan. Dalam hubungan ini, **MAKSAK Malaysia kini sedang dalam peringkat akhir merencana polisi dan garis panduan penerimaan sumbangan kewangan oleh kelab sukan dan kebajikan agensi awam supaya ianya dapat dilaksanakan dengan teratur, telus dan mengikut prosedur.** Usaha ini juga dapat mengukuhkan hubungan antara pihak Kerajaan dan swasta dan badan-badan lain (*public-private partnership*) melalui penganjuran aktiviti-aktiviti sukan. Harapan saya adalah supaya semua pihak yang terlibat dalam urusan ini kelak akan mematuhi garis panduan yang ditetapkan. Ini adalah merupakan antara sumbangan MAKSAK dalam menghidupkan semula sukan dalam Perkhidmatan Awam negara ini.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

8. **Sukan sesungguhnya merupakan antara medium yang berkuasa dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa.** Kita semua, anggota perkhidmatan awam sebenarnya mempunyai peranan dalam membudayakan sukan di jabatan masing-masing. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas. Gabungan ciri-ciri ini akan mencorakkan personaliti yang terbaik, sekali gus menyahut saranan YAB Perdana Menteri supaya penjawat awam mendokong 6 prinsip baru perkhidmatan awam iaitu Cepat, Tepat, Integriti (CTI) dan (PCI) iaitu Produktiviti, Kreativiti dan Berinovasi.

9. Sebagaimana dalam saranan saya kepada penjawat awam supaya mempraktikkan pendekatan Strategi Lautan Biru dalam memudahkan tugas-tugas di pejabat, saya juga merasa gembira kerana MAKSAK telah melaksanakan pendekatan Strategi Lautan Biru dalam penganjuran programnya dan tidak bekerja secara *silo*. Ini dapat dilihat melalui penganjuran program MAKSAK yang dilaksanakan atas sokongan, perkongsian sumber serta semangat berpasukan antara MAKSAK Malaysia dan badan-badan gabungannya dengan menggunakan kepakaran teknikal di kalangan anggota Kerajaan dan memaksimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan sedia ada di negeri-negeri dengan kos yang minimum. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua badan gabungan MAKSAK atas komitmen, sokongan

kerjasama yang telah diberikan. Semoga budaya dan semangat kerja berpasukan seperti ini akan terus menjadi amalan dalam keluarga MAKSAK sehingga generasi yang akan datang.

10. Kepada bakal penerima anugerah pada malam ini, tahniah diucapkan. Semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada semua penjawat awam untuk terus menunjukkan kecemerlangan bukan sahaja dalam tugas-tugas hakiki di pejabat malah dalam bidang sukan bagi melengkapkan personaliti kita sebagai penjawat awam yang serba boleh.

11. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja, MAKSAK Badan Gabungan dan tidak lupa juga kepada bekas kepimpinan tertinggi MAKSAK yang telah bersara dan juga barisan pengurusan yang telah dilantik ke jawatan baru.

12. Melihat kepada momentum 2012, saya menaruh sepenuh kepercayaan bahawa program-program yang bakal diperkenal dan dilaksana pada tahun 2013 akan memberi impak dan *outcome* yang diinginkan serta menjadi penghubung dalam mengeratkan tali silaturahim di kalangan anggota perkhidmatan awam berbilang kaum, selaras dengan semangat dan aspirasi 1Malaysia sebagaimana misi MAKSAK iaitu, "Menjadi Penghubung Dalam Mengeratkan Tali Silaturahim Antara Anggota Perkhidmatan Awam Yang Berada Di Peringkat Persekutuan, Negeri Atau Daerah, Di Samping Membantu Melahirkan Anggota Perkhidmatan Awam Yang Sihat, Cergas, Berdisiplin, Komited Dan Berdaya Saing".

13. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh anggota kerja MAKSAK di atas kejayaan mengelolakan Majlis Makan Malam Anugerah ini, khususnya serta penganjuran pelbagai program menarik sepanjang tahun lalu, amnya. Semoga MAKSAK akan terus menjadi badan terunggul dalam memartabatkan bidang sukan dalam perkhidmatan awam.

Sekian,

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.